

Oleh **Muhamad Hafizi Omar**

bhsastera@bh.com.my

Puisi kerohanian dalam sastera tanah air


Penghayatan Islam yang semakin rancak di negara ini, mempengaruhi sosio-budaya masyarakat yang bukan saja memperlihatkan suburnya amalan beragama, bahkan turut meluas ke bidang lain termasuk sastera.

Apatah lagi bertepatan dengan bulan Ramadan yang dimanfaatkan oleh umat Islam dengan memperbanyakkan ibadat dan tilawah serta tadarus al-Quran, malah turut memberikan suntikan agama pada acara apresiasi sastera.

Tidak hairanlah, sastera seperti puisi turut dimanfaatkan oleh penulis sebagai wahana untuk meluahkan semangat keagamaan dan menyebarkan seruan dakwah.

Pensyarah Jabatan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan (FPI), Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Shamsudin Othman, berkata puisi Islam atau kerohanian yang bertujuan mendorong,

» *Suntikan penghayatan Islam di tengah kesuburan amalan beragama*



membimbing, menyemai penghayatan dan menanam keinsafan kepada pembaca, pendengar serta penulis itu sendiri, sudah lama berkembang.

Bentuk tidak terikat

“Puisi kerohanian ialah penulisan yang dihasilkan dengan jiwa yang bersih dan berlandaskan prinsip *amar makruf nahi mungkar* yang menjurus kepada menyeru ke arah kebaikan serta mencegah kemungkaran.

“Kerangka puisi kerohanian bagaimanapun tidak terikat kepada sebarang bentuk dan konsep kerana nilainya terletak pada pengisian yang menyentuh kepada ketuhanan, sejarah Islam, kehidupan bumi, alam semester, keinsafan dan pengajaran,” katanya kepada *BH Sastera*, baru-baru ini.

Justeru, Shamsudin berkata, kesan yang mendalam dapat dikongsi bersama pembaca atau pendengar menerusi puisi kerohanian yang penuh dengan keindahan dan estetika.

“Hal ini berbeza dengan puisi yang sekadar meluahkan perasaan biasa yang hanya membekas seketika

kepada pembaca.

“Karya kerohanian yang dihasilkan bukan saja memberi kesan kepada pembaca, bahkan membuktikan perkembangan Islam yang tidak tertinggal dalam arus zaman,” katanya.

Sementara itu, penyair, Rosli K Matari turut berkongsi pengalamannya dalam dunia kesusasteraan Islam yang menghasilkan puisi keagamaan seperti *Kilau Setitik Sinar*, *Kasihku Pada Petani* dan *Darwis Mencari Lautan*.

Khazanah, pedoman ummah

Rosli berkata, karya tokoh besar seperti Fariduddin al-Attar, Jalaluddin Rumi dan Sayyid Burhanuddin Muhaqqiq yang sudah lama meninggalkan kita, menjadi khazanah serta sumber pedoman kepada umat Islam di seluruh dunia.

“Jika dilihat perkembangan puisi Islam, ramai beranggapan ia sudah tidak mendapat sambutan kerana ditelan kemodenan dan teknologi.

“Kita melihat pasaran buku tempatan masih dikuasai oleh karya yang berlandaskan

“
Penulis seharusnya mengambil kesempatan Ramadan untuk menghasilkan karya yang lebih bermutu, bahkan ia pekerjaan tabligh yang ganjarannya dilipat ganda”

Rosli K Matari,
Penyair

agama, manakala novel berunsurkan Islam turut diulang cetak,” katanya.

Beliau berkata, kelahiran penulis yang menghasilkan karya kerohanian dan sastera Islam juga mengukuhkan lagi kesinambungan kesusasteraan Islam di negara ini.

Rosli turut mengingatkan pengarang untuk menganggap Ramadan sebagai bulan ujian yang dapat meningkatkan kesabaran umatnya dan menjadi kesempatan untuk meningkatkan amalan.

“Justeru, penulis seharusnya mengambil kesempatan Ramadan untuk menghasilkan karya yang lebih bermutu, bahkan ia pekerjaan tabligh yang ganjarannya dilipat ganda,” katanya.

